

Headline **14 anak yatim sertai kem**  
Date **19 Feb 2010**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Variasi**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **V3**  
Article Size **370 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **7,955**  
PRValue **23,866**



# 14 anak yatim

## sertai kem

*Al-Jabbar taja penghuni Rumah Kasih  
Harmoni ikuti Kem Remaja Addin Harian Metro*

**S**ERAMAI 14 anak yatim Rumah Kasih Harmoni (RKH), Kampung Paya Jaras Dalam, Sungai Buloh menjadi golongan paling bertuah apabila menerima penajaan mengikuti Kem Remaja Addin Harian Metro pada 5 hingga 7 Mac ini.

Kem remaja Addin adalah anjuran Harian Metro dengan penaja utama, Management & Science University (MSU).

Program tiga hari dua malam di Nur Lembah Pangsun, Hulu Langat, Selangor itu dibimbing bekas pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Ustaz Zawawi Yusof.

Pengetuannya, Jamaluddin Wahab, berkata pihaknya bersyukur dan bertuah kerana penghuni RKH itu menjadi sebahagian peserta dalam kem itu.

"Terima kasih kepada Kumpulan Al-Jabbar yang menaja pelajar rumah ini kerana memberi peluang anak yatim mendapat pendedahan di kem ini.

"Saya berharap pelajar yang mendapat peluang ke kem remaja ini mengutip sebanyak mungkin ilmu dan pengalaman sepanjang program itu," katanya.

Sempena majlis penajaan itu, Kumpulan Al-Jabbar yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Che Kamaruzaman Hussain menyampaikan replika cek RM3,000 kepada Pengarang Rencana Harian Metro, Roslan Ibrahim.

Kumpulan Al-Jabar, syarikat

milik Bumiputera yang mengeluarkan produk kesihatan seperti Dr Jism, Family Dr, Tonik Hati

dan Dr Jabbar turut memberi sumbangan minuman kesihatan, Jabbar Root.

Sementara itu, Che Kamaruzaman Hussain, berkata jumlah keseluruhan tajaan ialah 20 pelajar anak yatim, 14 daripada RKH manakala bakinya daripada anak yatim di tempat lain.

"Ini sebahagian tanggungjawab sosial dan amanah kami kepada masyarakat. Yang lebih utama ialah apa yang dilakukan ini memberi kepuasan dan keberkatan.

"Ini bukan kali pertama kami membantu golongan kurang bernasib baik kerana sebelum ini, Kumpulan Al-Jabbar turut memberi bantuan kepada rumah orang tua dan kanak-kanak mangsa HIV," katanya.

Beliau berharap syarikat korporat lain turut mengambil inisiatif yang sama bagi membantu golongan kurang bernasib baik seperti anak yatim.

Dalam perkembangan sama, RKH yang dua tahun ditubuhkan mempunyai 60 penghuni berusia antara empat hingga 15 tahun.

Sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang membantu menjaga anak yatim, RKH amat memerlukan bantuan dan sokongan masyarakat.

Kos untuk menyediakan makanan dan minum, pelajaran serta pakaian memerlukan peruntukan yang besar.

Justeru, orang ramai yang ingin membantu RKH boleh menghubungi Jamaluddin Wahab di talian 012-3942783 atau 03-61563420 atau melayari [www.rkh.org.my](http://www.rkh.org.my).

Jika berminat untuk menyalurkan bantuan kewangan, mereka boleh berbuat demikian melalui akaun AMBB 2442-022-001023.

Headline **14 anak yatim sertai kem**  
Date **19 Feb 2010**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Variasi**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **V3**  
Article Size **370 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **7,955**  
PRValue **23,866**



**CHE KAMARUZAMAN...**  
badan korporat lain patut membantu.



**JAMALUDDIN...**pelajar perlu memanfaatkan peluang yang ada.



**SUMBANG...**Kamaruzaman (tiga dari kiri) menyampaikan replika cek kepada Roslan (lima dari kiri) sambil disaksikan Jamaluddin di Rumah Kasih Harmoni, baru-baru ini.